

Surat sentuh hubungan dua negara

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kandungan surat yang disampaikan oleh Timbalannya, Encik Ghafar Baba, kepada Presiden Suharto kelmarin hanya menyentuh soal hubungan Malaysia-Indonesia.

"Tidak ada soal sensitif dalam surat berkenaan," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno di sini, semalam.

Perdana Menteri berkata, surat itu juga tidak menyentuh soal kerjasama ekonomi kedua-dua negara.

Menurutnya, kunjungan mengejut Encik Ghafar itu juga membincangkan pelbagai perkara dengan Presiden Suharto, termasuk isu dua pulau yang dipertikaikan, iaitu Pulau Ligitan dan Sipadan.

Encik Ghafar kelmarin membuat kunjungan mengejut terhadap Presiden Suharto untuk menyampaikan surat khas Perdana Menteri mengenal hubungan semasa Malaysia-Indonesia.

Mengenai cadangan Jepun supaya Persidangan Lanjutan Menteri Luar Asean (PMC) menjadi forum isu keselamatan, Datuk Seri Dr Mahathir berkata, soal itu langsung tiada kaitan dengan penubuhan Kumpulan Ekonomi Asia Timur (EAEG).

"Itu pendapat Jepun sedangkan pendapat kita, kita boleh menggunakan PMC untuk membincang soal keselamatan tetapi forum PMC tidak semestinya hanya untuk membincangkan soal itu," katanya.